

# Kampus



SEBAHAGIAN peserta yang menjayakan bengkel drama dan teater di Auditorium PKMA, Unimas, Kota Samarahan, Sarawak, baru-baru ini.

## Kongsi ilmu teater Rusia

Lairikan profesional pementasan drama dan teater negara

**S**ERAMAI 60 pelajar Program Drama dan Teater, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK), Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) menyertai seminar dan bengkel anjuran pelajar tahun ketiga, Program Drama dan Teater, Jabatan Seni Persembahan dan Teknologi Produksi di Auditorium, Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA), Unimas baru-baru ini.

Seminar sehari yang diadakan ini merupakan kursus wajib pelajar Seminar Drama dan Teater (GKD3154) yang menguji kemampuan pelajaranya bekerja secara profesional serta secara intelektual melalui pementasan drama dan teater. Bertepatan dengan objektif pengajaran seminar drama



**ZAFRI HUSIN**

dan teater kali ini, Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Cawangan Sarawak, **Zafri Husin** telah dijemput bagi berkongsi ilmu seni persembahan drama dan teater melalui pementasan dan penglibatannya dalam produksi teater kanak-kanak, ilmu *Biomechanics* oleh Meyerhold yang diperolehi ketika menuntut di Russian Federation Theatre Arts Academy of Moscow, Rusia.

*Biomechanics* merupakan pendekatan sistem latihan bagi pelakon yang dicetuskan oleh Vsevolod Emilovich Meyerhold (1874-1940) bagi meluaskan

**Oleh MOHD SAIFUL MOHD SAHAK**  
kampus@utusan.com.my



potensi emosi dalam teater melalui ekspresi pemikiran serta idea yang tidak mudah dipersembahkan dalam teater bersifar asli.

Kejayaan Meyerhold dengan *Biomechanics* memaikan peranan besar dalam memperkenalkan latihan fizikal kurikulum setiap sekolah drama era Soviet. "Saya lebih gemar para pelakon ketika pementasan arahan saya melakukan

latihan terlebih dahulu sebelum latihan pementasan sebenar. Ini kerana dengan latihan itu mereka lebih menghayati setiap pergerakan dan suara yang ingin diomatikan," kata Zafri.

Menurut Zafri lagi, pengarahannya juga mementingkan latihan berterusan bagi memastikan pelakon teater dapat menilai kelemahan sebelum persembahan.

Anak jati kelahiran Muar, Johor itu memperoleh ijazah Sarjana Muda Komunikasi dalam Perfilman, Televisyen dan Seni Persembahan di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang serta Ijazah

Sarjana Pengarahan Teater dari Universiti Middlesex, United Kingdom.

Antara pementasan teater hasil pengarahannya Zafri iaitu *Di Mana Setangkanya* (2009), *Ali Baba* (2010), *Bangsawan Chelorong Cheloreng* (2012).

Selain itu, *Upin Ipin* (2012), *Warga Rimba* (2012), *Bawang Putih Bawang Merah*, *Taman Baginda*, *Belalang Kenti*, *Sarah*, dan *Gannat* (2009).

Zafri turut berkhidmat dalam pementasan teater antaranya *Assyura*, *Lantai 7*, *Pinkie*, *Puteri Gunung Ledang*, *Megat Terawis*, *Tiang Seri Tegak Berlima*, *Nyonya*, *Rubiah* dan *Selendang Umi*.



**ZAFRI Husin** menunjukkan teknik pergerakan hasil teori Meyerhold atau juga dikenali sebagai *Biomechanics* yang dipelajarinya ketika belajar di Rusia kepada peserta seminar drama dan teater di Unimas baru-baru ini.